



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**EKSPLORASI TAMPUNG SERIBU KE DALAM FESYEN
WANITA BAGI MEMUDAHKAN TEKNIK LIPATAN PAKAIAN**

**Nashila Binti Japeri
54812**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)
2018**

**EKSPLORASI TAMPUNG SERIBU KE DALAM FESYEN WANITA BAGI
MEMUDAHKAN TEKNIK LIPATAN PAKAIAN**

NASHILA BINTI JAPERI

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian
Teknologi Seni Reka (Fesyen dan Tekstil)**

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: EKSPLORASI TAMPUNG SERIBU KE DALAM FESYEN WANITA
DALAM MEMUDAHKAN TEKNIK LIPATAN PAKAIAN

SESI PENGAJIAN : 2015/2016

Saya : NASHILA BINTI JAPERI

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan(/)

SULIT


(mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

TIDAK TERHAD


(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan



Tandatangan Penulis

Tarikh : 8/6/2016



Tandatangan Penyelia

Tarikh : 8/6/2018 .

Alamat tetap :

Lot 280, Kampung Pujut Tanjong Batu 1C.
98 000, Miri, Sarawak

Asrul Asshadi Mohamad Morni
Lecturer

Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK


Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Projek bertajuk 'Eksplorasi Tampung Seribu Dalam Fesyen Wanita Bagi Memudahkan Teknik Lipatan Pakaian' telah disediakan oleh Nashila Binti Japeri dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Teknologi Seni Reka).

Diterima untuk dipertahankan oleh:


Asrul Asshadi Mohamad Morni
Lecturer

Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

(Encik Asrul Asshadi Mohamad Morni)

Tarikh : 8/6/2018

PENGHARGAAN

Bismillahirrohmanirohim..

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Dengan nama Allah Yang Maha Mulia Lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya saya telah menyiapkan Projek Tahun Akhir yang bertajuk “Eksplorasi Tampung Seribu Ke Dalam Fesyen Wanita Bagi Memudahkan Teknik Lipatan Pakaian” dengan jayanya. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada individu penting yang banyak membantu dalam menyiapkan penyelidikan ini. Pertama sekali saya mendedikasikan sekalung penghargaan ini kepada penyelia Projek Tahun Akhir saya iaitu Encik Asrul Asshadi Mohamad Morni kerana sudi membimbing, mencurahkan idea dan memberikan pendapat sehingga penyelidikan ini disiapkan sepenuhnya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya Encik Japeri Bin Tahir dan Puan Aisyah Binti Abdullah serta ahli keluarga saya kerana memberikan sokongan padu dan semangat kepada saya sepanjang pelaksanaan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kerana memberikan segala kemudahan dari segi bantuan kewangan dan sokongan moral sepanjang menjayakan kajian ini.

Ribuan terima kasih juga kepada pihak dan masyarakat setempat kerana memberikan kerjasama yang baik dan pandangan yang positif dalam membantu memberikan maklumat berkaitan dengan kajian ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar serta maklumat sepanjang penyelidikan ini. Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung sepanjang menjayakan kajian ini.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii - vi
ABSTRAK	vii
<i>ABSTRACT</i>	viii
BAB 1 : PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1-3
1.2 Definisi	4
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Limitasi Kajian	6
1.8 Kepentingan Kajian	6
1.9 Kesimpulan	7

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	8-9
2.1 Teknik Tampung Seribu Ke Dalam Fesyen Wanita	10-12
2.2 Fungsi Praktikal Untuk Memudahkan Lipatan Ke Dalam Rekaan Fesyen	13-14
2.3 Kajian Lepas	15-16
2.4 Inspirasi Teknik Lipatan	17
2.5 Kerangka Konsep	18
2.6 Kesimpulan	19

BAB 3 : KAJIAN METODOLOGI

3.0 Pengenalan	20
3.1 Metodologi Kajian	21
3.2 Kaedah Kajian Primer	21-23
3.3 Kaedah Kajian Sekunder	24-25
3.4 Kesimpulan	25

BAB 4 : HASIL DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	26
4.2 Pemerhatian	27
4.3 Temu Bual	29-31
4.4 Borang Kaji Selidik	32
4.4.1 Bahagian A : Demografi	32-35
4.4.2 Bahagian B : Umum	35-44
4.4.3 Bahagian C : Elemen Warna	44-47
4.4.4 Bahagian D : Elemen Reka Bentuk	49-49
4.5 Eksperimentasi	50
4.5.1 Persampelan / Toile	50-53
4.6 Bahan Berjilid	54
4.7 Laman Sesawang	54
4.8 Keputusan Keseluruhan	54-55
4.9 Kesimpulan	56

BAB 5 : PRODUK AKHIR

5.1 Pengenalan	57
5.2 Proses Rekaan	58
5.3 Perkembangan Idea	59
5.3.1 Konsep Rekaan	56-60
5.3.2 Lakaran Idea	61
5.3.3 Lukisan Teknikal	61
5.4 Produk Akhir	62
5.4.1 Rekaan 1	62-66
5.4.2 Rekaan 2	67-71
5.4.3 Rekaan 3	72-77
5.5 Kesimpulan	78

BAB 6 : VALIDASI PRODUK

6.1 Pengenalan	79
6.2 Keputusan Validasi	79-80
6.2.1 Bahagian A : Demografi	81-85
6.2.2 Bahagian B : Reka Bentuk Fesyen Wanita	85-88
6.3 Kekuatan Produk	89
6.4 Kelemahan Produk	89
6.5 Kesimpulan	90

BAB 7 : KESIMPULAN

7.1 Kesimpulan	91-92
----------------	-------

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan terhadap teknik mudah untuk melipat pakaian dengan eksplorasi tampung seribu sebagai panduan untuk proses melipat bagi menyelesaikan masalah kekemasan bagi lipatan pakaian, penjimatan dan ruang penyimpanan pakaian. Rekaan pakaian yang dihasilkan adalah berkonsepkan *Cube To Fold* yang bermaksud bentuk segi empat untuk dilipat di mana rekaan fokus terhadap bentuk geometrik yang boleh memberi kekemasan dari segi pengurusan lipatan. Kombinasi potongan pola yang memudahkan lipatan dibantu dengan eksplorasi tampung seribu sebagai panduan untuk teknik mudah melipat untuk menyelesaikan masalah kesukaran saiz yang tidak konsisten pada kemas lipatan. Pengkaji mengharapkan kajian ini dapat memberi ruang untuk menghasilkan rekaan berinovatif dalam menghadapi masalah pengurusan masa dan ruang serta kekemasan dalam pengurusan penyimpanan pakaian.

ABSTRACT

This research is focuses on the simple technique of folding clothes with an exploration of patchwork design as a guideline to the folding process for solving the problem for folding clothes, whether in time consuming or use of spaces. The concept of the design produced is Cube To Fold which means a rectangular shape to be folded in which the design is focused on geometric shapes that give a better process and arrangement of the folding clothes. The combination of pattern which create an easier way to fold are applied with an exploration of patchwork design as a guide to resolve same size from fold difficulties. This research is hoping to facilitate consumer in innovative fashion design storage management.

BAB 1

1.0 PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

“By placing either matching pairs of illustrations or fold line illustrations at predetermined locations on an article of clothing a child can learn how to properly fold by simply matching the appropriately placed illustrations in sequential order or by folding along the fold line illustrations in sequential order”¹.

Kenyataan ini menjelaskan bahawa ilustrasi sebagai garis panduan dapat memudahkan pakaian untuk dilipat. Hal ini demikian kerana ilustrasi dapat membantu di mana ianya berfungsi sebagai fokus utama pemakai ketika melakukan aktiviti melipat. Dalam kajian ini, pengkaji menggantikan ilustrasi tersebut dengan eksplorasi teknik tampung seribu di mana corak ini boleh menjadi garis panduan dalam memudahkan teknik melipat pakaian. Dengan tercetusnya idea ini, penyelidik mengambil peluang untuk mengkaji teknik yang mudah untuk melipat pakaian sebagaimana yang telah ditetapkan dalam objektif kajian ini.

Berdasarkan artikel Mingguan Wanita yang menyatakan bahawa aktiviti melipat pakaian bukan hanya memerlukan kerajinan dalam diri, namun memerlukan waktu yang teliti². Masyarakat kini menjadikan aktiviti melipat pakaian sebagai rutin harian dalam hidup mereka. Melipat pakaian menjadi kebiasaan tidak kira usia sama ada yang telah bekerja mahupun pelajar. Ekoran daripada dunia serba maju kini, lipatan telah dipinggirkan dan menjadi suatu masalah bagi golongan yang berkerjaya dan pelajar. Hal ini adalah kerana golongan tersebut

¹ Stephen R. K. (1992). Method and Apparatus for Teaching Children How to Fold Clothes and Other Object.

² Artikel. <http://www.mingguanwanita.my/lipat-baju-cara-origami-jimat-ruang-dan-senang-nak-cari-itu-pasti/>

merupakan golongan yang kurang menggunakan masa mereka untuk melipat pakaian malah menggantungkan pakaian mereka kerana mempunyai masa yang terhad. Dengan kaedah tersebut, bagi mereka adalah mudah dan cepat namun kaedah ini telah menggunakan ruang yang banyak untuk menggantung pakaian mereka.

Oleh itu, pengkaji telah mencari penyelesaian bagaimana untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan memfokuskan bahagian atau kaedah lipatan yang sesuai bagi memudahkan aktiviti melipat dan juga menjimatkan ruang penyimpanan dalam almari. Dengan eksplorasi tampung seribu ke dalam fesyen wanita sebagai garis panduan untuk memudahkan teknik melipat pakaian, pengkaji akan fokus terhadap rekaan yang boleh membantu untuk membuktikan pakaian berfungsi seperti yang telah dinyatakan dalam objektif kajian.

Menurut Patchwork for Beginners (2010), "*Patchwork is synonymous with the culture of make do and mend. The recycling of scraps of fabric into something which is functional is the embodiment of the thrifty housewife.*"³" Patchwork atau tampal cantum merupakan teknik tampung seribu yang popular di mana gabungan kain perca yang boleh menghasilkan corak yang unik dan kreatif serta mempunyai tekstur tersendiri.

Rashida C. (2013)⁴ menyatakan bahawa teknik patchwork lebih digunakan untuk penghasilan produk untuk hiasan dalam rumah. Corak tersebut popular kerana rekaannya yang unik yang terhasil daripada teknik tampal cantum. Tampung seribu di kenali ramai kerana penghasilannya yang banyak untuk keperluan dan hiasan untuk dalam rumah seperti selimut, cadar, sarung bantal dan alas kaki. Di sudut ini kita boleh lihat kekurangan corak tersebut diterapkan ke dalam fesyen-fesyen kini kerana ramai yang berpandangan bahawa corak tampung seribu majoritinya digunakan sebagai perhiasan dalam rumah. Dalam kajian ini,

³ Sue V. , (2010). Patchwork for Beginners. V & A Publishing

⁴ Rashida C. (2013). I Love Patchwork : 25 Irresistible Zakka Projects to Sew. Dimuat turun daripada <https://books.google.com.my/books>

pengkaji menggunakan teknik tampal cantum sebagai garis panduan untuk memudahkan teknik melipat pakaian dan kain yang digunakan bukanlah kain perca atau kain terbang.

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan jenis siluet yang sesuai terutamanya bagi pelajar yang pergi ke kelas dan juga wanita berkerjaya untuk pergi kerja dengan corak tampung seribu yang akan diterapkan ke dalam fesyen wanita. Golongan wanita yang terdiri daripada pelajar dan golongan wanita bekerja merupakan sasaran kajian kerana mereka lebih memilih untuk menggantung pakaian mereka di mana pengkaji akan fokus terhadap rekaan pakaian yang mudah untuk dilipat. Pakaian wanita mempunyai tiga kategori iaitu formal, semi- formal dan kasual. Berdasarkan responden yang terdiri daripada pelajar dan wanita berkerjaya, pengkaji telah memilih kategori pakaian kasual dan semi – formal yang sesuai untuk digayakan setiap hari.

Corak tampung seribu memberi inspirasi bagi pengkaji di mana ianya boleh berfungsi untuk memudahkan proses lipatan pada pakaian dan sebagai panduan untuk melipat pakaian tersebut dengan mudah. Oleh itu, pengkaji ingin mengambil peluang untuk membuat kajian terhadap reka bentuk siluet dan corak tampung seribu sama ada geometri atau organik. Pengkaji juga membuat kajian ke atas jenis fabrik yang sesuai bagi proses kemudahan lipatan agar lipatan tidak comot dan haruslah tersusun. Pengkaji juga ingin membuktikan bahawa corak tampung seribu boleh dibawa ke persada dunia kerana keunikannya yang mempunyai fungsi yang boleh diterapkan ke dalam fesyen wanita.

1.2 DEFINISI

1.2.1 Reka Corak Pada Pakaian

Reka corak merupakan suatu elemen dalam seni abstrak yang boleh hadir dalam pelbagai bentuk dan rupa. Reka corak amat ditekankan dalam proses perletakkan tampung seribu kerana tampung seribu mempunyai banyak jenis bentuk yang merupakan elemen corak pada pakaian.

1.2.2 Reka Bentuk Pakaian

Siluet yang digunakan adalah "*pencil shape*" dan "*A line*" kerana reka bentuk siluet ini boleh dipakai tidak kira kategori umur dan terutamanya saiz badan pemakai. Siluet ini juga bersesuaian dengan kategori pakaian kasual dan semi – formal di mana pengkaji telah memfokuskan responden yang terdiri daripada pelajar dan wanita bekerjaya yang menghadapi masalah dalam aktiviti melipat pakaian yang mudah.

1.2.3 Material

Material merupakan perkara yang penting perlu difokuskan kerana hasil kajian yang berjaya juga bergantung kepada penggunaan material yang sesuai. Material yang digunakan dalam kajian ini adalah fabrik dari gentian natural agar mudah dikendalikan dan tidak berbulu. Semua produk yang direka oleh pengkaji akan terdiri daripada kain kapas kerana pengkaji perlu memastikan lipatan yang dihasilkan perlulah tersusun untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Fabrik ditekankan agar pakaian mudah diseterikan dan dilipat dengan mudah.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

- i) Fesyen pakaian wanita kini kurang mengeksplorasi corak sebagai panduan untuk melipat pakaian mereka di mana pemakai akan memilih untuk menggantungkan pakaian mereka secara majoriti.
- ii) Teknik tampung seribu kurang dieksplorasi dalam rekaan fesyen.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- i) Apakah reka bentuk pakaian dan material yang sesuai untuk menghasilkan pakaian agar memudahkan kaedah melipat pakaian?
- ii) Bagaimanakah keberkesanan tampung seribu agar boleh memudahkan pakaian untuk dilipat?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

- (i) Mengenal pasti potensi kain, material dan pola yang bersesuaian dalam aspek pengurusan lipatan pada rekaan pakaian.
- (ii) Menghasilkan rekaan fesyen pakaian yang mempunyai keberkesanan dalam kemudahan melipat pakaian dengan cara yang mudah.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian akan memfokuskan pada potongan pola dan kedudukan corak tampung seribu di mana fokus kajian adalah memudahkan teknik lipatan pakaian dengan panduan corak tampung seribu.

Kajian akan dijalankan di sekitar Bandar Kuching dan Kota Samarahan. Sasaran responden adalah wanita berumur 18 hingga 28 tahun.

1.7 LIMITASI KAJIAN

Oleh kerana informan terdiri daripada golongan pelajar dan golongan dewasa, maka pengkaji akan fokus terhadap pelajar yang tinggal di kolej dan golongan wanita yang bekerja di kawasan sekitar.

Penyelidik juga melimitkan kawasan kajian sekitar Kota Samarahan yang merangkumi Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan penduduk di sekitar Desa Ilmu serta kawasan Bandar Kuching.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Pengkaji dapat menyumbangkan idea dan menampilkan bakat fesyen yang kreatif dan inovatif bagi generasi muda akan datang. Pengkaji dapat mengenal pasti fabrik yang sesuai dengan reka bentuk pakaian. Penjimatan masa dalam proses melipat dari segi bentuk dan saiz yang sama pada pakaian. Penggunaan corak tampung seribu secara kreatif dapat menambahkan pilihan bagi syarikat-syarikat besar yang cenderung dalam pemilihan reka corak yang menjimatkan kos penggunaan fabrik. Dengan ini sekaligus dapat membawakan kenunikan fesyen wanita yang mengeksplorasi teknik tampung seribu ke persada dunia.

1.9 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, pengkaji telah membuat penilaian terhadap hasil-hasil kajian berdasarkan objektif yang ditetapkan. Pengkaji telah berjaya menghasilkan rekaan fesyen pakaian yang berfungsi untuk memudahkan teknik lipatan dengan eksplorasi tampung seribu. Pengkaji juga telah membuat analisis dalam teknik-teknik yang sesuai untuk melipat pakaian serta rekaan siluet yang sesuai bagi mencapai objektif kajian. Pengkaji juga telah menghasilkan ukuran dan saiz yang sama untuk setiap rekaan pakaian agar mudah dilipat untuk penjimatan ruang penyimpanan pakaian. Oleh itu, kajian ini memberi fokus terhadap rekaan pakaian yang kreatif yang menitikberatkan reka corak, warna dan perletakan tampung seribu yang bersesuaian dengan golongan sasaran yang mementingkan gaya dan keselesaan.

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Perkara pertama yang perlu dilakukan adalah untuk menjalankan kajian literatur yang komprehensif. “Kajian literatur adalah suatu aktiviti yang mempunyai banyak aspek yang tepat berkait rapat dengan apa yang ingin di kaji tanpa sebarang keraguan⁵.”

Penyelidikan adalah suatu cara atau daya usaha bagi menyelesaikan permasalahan yang membelenggu kehidupan manusia dari semasa ke semasa⁶. Tinjauan literatur ataupun sorotan literatur merupakan ulasan maklumat yang di peroleh daripada jurnal, buku, dokumen (laporan, prosiding) dan penyelidikan-penyelidikan lepas (tesis) untuk sesuatu penyelidikan baru. Proses tinjauan ini adalah untuk mengenal pasti sama ada sesuatu penyelidikan yang di rancang telah di laksanakan oleh penyelidik lain. Selain itu, tinjauan literatur adalah rumusan literatur yang di tulis bertujuan menerangkan maklumat dan penyelidikan semasa dan yang terdahulu. Tinjauan literatur di susun mengikut topik dan laporan sorotan mengikut tema atau kajian individu. Tinjauan literatur adalah dokumentasi yang di perlukan dalam proposal kajian di Bab 2.

Tinjauan literatur memantapkan lagi kemahiran individu semasa mencari maklumat dari pelbagai sumber. Kajian tersebut juga dapat membina ciri-ciri seorang penyelidik yang sentiasa mengikut perkembangan bidang penyelidikan semasa. Tinjauan literatur bukan sahaja dapat membantu penyelidik mempelajari bagaimana para penyelidik menulis dan membentangkan penyelidikan mereka, malah mereka juga dapat mengenal pasti penyelidikan yang sesuai untuk di bandingkan dengan penyelidikan yang di jalankan. Di samping itu,

⁵ Diana Ridley, (2012). *The Literature Review* (2nd Ed). <https://books.google.com.my>

⁶ Azizi Hj. Yahaya (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Dipetik daripada <https://books.google.com.my/books?>

penggunaan pengkalan data membantu meningkatkan kemahiran merancang dan menyusun bahan-bahan bacaan yang di perolehi dengan lebih cekap dan efektif.

Kajian literatur mempunyai beberapa objektif antaranya ialah membezakan apa yang telah di kaji daripada keperluan yang perlu di kaji. Kajian tersebut juga membolehkan penemuan pemboleh ubah yang relevan dengan tajuk penyelidikan yang baru. Selain itu, kajian literatur dapat menggabungkan bahagian-bahagian penulisan pelbagai bahan rujukan yang berasingan dan mendapat perpektif baru dalam topik yang sama. Ianya juga dapat menunjukkan hubungan antara idea dan amalan berkaitan penyelidikan yang hendak di jalankan. Kajian tersebut bukan sahaja bertujuan memahami struktur latar belakang subjek penyelidikan yang akan di jalankan, malah menghubungkan idea dan teori dengan amalan berkaitan suatu topik penyelidikan. Kajian literatur juga bertujuan bagi mengenal pasti perkembangan penyelidikan yang telah di jalankan berkaitan dengan topik dan masalah penyelidikan yang akan di jalankan.

Tinjauan literatur mempunyai langkah tertentu dalam penyelidikan seperti mengenal pasti kata kunci untuk panduan kajian. Selain itu, mengenal pasti sumber dan lokasi bahan sama ada melalui perpustakaan atau internet. Pengumpulan abstrak maklumat yang di peroleh daripada rujukan dan membuat penilaian bahan yang sesuai untuk di jadikan bahan rujukan juga merupakan langkah seterusnya. Langkah yang terakhir ialah menganalisa, menyusun bahan bacaan yang telah di pilih dengan mempersembahkan isi penting dalam pelbagai bentuk dan menulis literatur. Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan teknik yang mudah untuk melipat pakaian dengan panduan daripada corak tampung seribu. Dengan ini, pengkaji akan membuat kajian terhadap rekaan yang sesuai dalam memudahkan proses melipat. Pengkaji ingin mengkaji fesyen semasa yang menjadi pilihan wanita kini dengan menerapkan corak tampung seribu yang sesuai dan unik serta potongan reka bentuk pakaian yang menjadi pilihan wanita.

2.1 Teknik Tampung Seribu Ke Dalam Fesyen Wanita

Gareth Pugh

Berdasarkan rekaan Gareth Pugh iaitu pereka fesyen kelahiran British, beliau telah menerapkan teknik tampung seribu ke dalam fesyen wanita. Beliau menggelarkan rekaan beliau "*strict and dark*" di mana beliau telah memfokuskan "*masculine and feminine*", "*black and white*", "*right and wrong*" dan "*good and bad*". Beliau telah menghasilkan pakaian yang rapi yang direka dengan gaya dramatik dan poskovatif. Beliau juga membuat rekaan yang mencabar bagi beliau dalam fesyen dan reka bentuk.

Pada tahun 2007, beliau terlibat dengan *MID_E Festival* untuk meraikan ulang tahun Muzium Guggenheim di Bilbao, Sepanyol. Beliau telah di anugerahkan sebagai *Young Designer of The Year* dalam *ELLE Style Awards*. Pada festival tersebut, model beliau telah menggayakan kot daripada teknik tampung seribu, iaitu daripada kepingan kain kecil berwarna hitam dan putih (*vinyl*). Rajah 1 merupakan salah satu rekaan beliau daripada patchwork atau dipanggil teknik tampung seribu.



Rajah 1 : Patchwork by Gareth Pugh, *“Outrageous figures, their bodies and faces sprouting 3-D geometric shapes, wore coats made from patchworks of black-and-white vinyl, survival-blanket silver foil and plastic which was blown up with air.”*⁷

⁷ Hywel D. (2009). British Fashion Designers. United Kingdom UK : Laurence K. Publishing. p.93

Ashish

Ashish merupakan pereka fesyen yang berasal dari India. Berdasarkan rekaan yang beliau hasilkan iaitu *sparkling sequined mini dress* yang dikombinasikan dengan *coloured stockings sheated in lace, superimpositions, flaurine colors, sheen, paillet* dan *precious stone-genuine* yang dipakai oleh Madonna, Goldfrapp dan pencipta muzik yang lain telah berjaya menaikkan nama beliau. Gabungan rekaan beliau yang melibatkan unsur budaya amat tinggi yang telah membuatkan beliau dikenali sebagai *one of the great new promises* di London Fashion Week. Beliau menjadi pilihan pengkaji dalam kajian ini kerana beliau telah menghasilkan kot yang menggunakan teknik tampung seribu, iaitu berbentuk *diamond*. Warna yang digunakan adalah penggunaan warna kontra. (Rujuk Rajah 2)



Rajah 2 : Quilted Coat by Ashish, “Both images show one of the star garments from the Fall/Winter 2007-2008 collection : a quilted coat of the bright fabric with a large bow at the waist that evokes an aesthetic somewhere between kitsch and the utmost glitter of disco”⁸.

⁸ Laura E. (2008). Atlas of Fashion Designers. United States US : Maomao Publications. p.74